

Sekitar Program Muzakarah Mengarusperdanakan Pendidikan Tradisi

Mendapatkan pandangan awal dari pengamal-pengamal Aliran Pendidikan Tradisi mengenai kedudukan terkini dan permasalahan yang dihadapi dalam pengalaman mengurus-tadbir sekolah-sekolah Aliran Pendidikan Tradisi.

Mengenalpasti peluang-peluang kerjasama antara sekolah-sekolah Aliran Pendidikan Tradisi dalam mengukuhkan sistem dan institusi Aliran Pendidikan Tradisi.

Mewujud satu usaha bagi berkomunikasi dengan pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam mendapatkan pengiktirafan untuk sekolah-sekolah Aliran Pendidikan Tradisi.

Mengerakkan agenda bertindak bagi menentukan isu dan permasalahan dari pelbagai sudut yang sedang dialami oleh para pelajar, ibubapa, guru-guru dan pentadbir sekolah-sekolah Aliran Pendidikan Tradisi.

Membentuk satu Majlis Permuafakatan Aliran Pendidikan Tradisi yang akan menilai kedudukan semasa, keberkesanan dan hala-tuju Aliran Pendidikan Tradisi dalam menghadapi cabaran pendidikan dan arus globalisasi semasa.